

MAJLIS MOA UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA DENGAN UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada pihak pengurusan UKM kerana sudi menjalin hubungan kerjasama ini khusus untuk empat skop kerjasama utama, iaitu:

1. Penyelidikan.
2. Pertukaran Penyelidik.
3. Penggunaan Peralatan Secara Guna Sama.
4. Pengajaran dan Latihan.

Seperti yang kita sedia maklum, hubungan kerjasama di antara UMS dengan UKM sudah lama terjalin. Ia umpama isi dengan kulit yang saling bergantung dan bekerjasama. Memang tidak dapat dinafikan, sejarah pembangunan UMS telah banyak dibantu oleh pihak UKM, sama ada dari sudut pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan, tenaga akademik dan sebagainya. Dengan adanya MoA ini, sudah pasti ia dapat meningkatkan lagi hubungan tersebut. Oleh itu, sekali lagi saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada pihak UKM di atas kerjasama dan sokongan yang diberikan selama ini.

Perkembangan Semasa UMS

Dari segi kemasukan pelajar, pada sesi pengajian 2002/2003 ini, UMS telah menawarkan tempat kepada seramai 3,102 orang pelajar bagi mengikuti pengajian peringkat ijazah pertama dalam pelbagai bidang. Seramai kira-kira 2,481 orang akan mengikuti pengajian di kampus Kota Kinabalu, sementara 621 orang di Kampus Antarabangsa Labuan. Dengan pengambilan pelajar baru sesi ini, kemasukan pelajar di UMS telah bertambah kepada 8,220 orang. Pada sesi ini juga dua program baru telah diperkenalkan iaitu Program Sains Sukan melalui Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial (SPPS) dan Program Perlindungan Hutan dan Perhutanan. Diharapkan dengan penawaran program ini berupaya meningkatkan kualiti pendidikan melalui program-program yang bersifat *market driven*.

Selain itu, sukacita saya memaklumkan bahawa pihak Kementerian Pendidikan Malaysia telah bersetuju dengan perakuan yang dikemukakan oleh Jawatankuasa Pendidikan Tinggi (JKPT) untuk menubuhkan Sekolah Perubatan di UMS yang akan menawarkan Program Ijazah Doktor Perubatan mulai sesi pengajian 2003/2004 dengan pengambilan pelajar perintis dianggarkan seramai 30 orang. Penubuhan Sekolah Perubatan di UMS bertujuan untuk menambah bilangan doktor perubatan dan lain-lain tenaga pakar kesihatan di negeri Sabah khususnya, dan Malaysia amnya. Sekolah Perubatan ini akan dibentuk ke arah menjadikannya sebagai sebuah pusat rujukan perubatan dan penyelidikan terulung dalam bidang sains klinikal dan biomedik dengan penekanan terhadap penyakit-penyakit penting di Sabah. Sekolah Perubatan ini juga akan menjadi sebuah pusat latihan dalam pelbagai bidang bagi tenaga sokongan kesihatan.

Sebuah hospital pengajar dijangka dapat dibangunkan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK 9). Walau bagaimanapun, calon-calon Ijazah Doktor Perubatan UMS akan ditempatkan di hospital-hospital kerajaan dan swasta di Sabah atau di hospital-hospital kerajaan di seluruh negara, sementara menunggu hospital universiti dibangunkan.

Di sinilah, kami sebagai 'adik kepada abang' sekali lagi memerlukan bantuan, sokongan dan kerjasama daripada pihak UKM untuk membangunkan program yang cukup relevan ini.

Dari segi pembangunan fizikal kampus pula, Projek Pembangunan UMS Fasa Satu A dan Fasa Satu B yang dijalankan dalam Rancangan Malaysia Ketujuh telah tamat mengikut tempoh masa yang ditetapkan. Kini, Projek Pembangunan UMS akan diteruskan dengan Projek Pembangunan Fasa Dua yang terbahagi kepada Fasa Dua A yang sedang bermula dan Fasa Dua B yang melibatkan kos kira-kira RM410 juta.

Kepentingan Penyelidikan dan Penerbitan

Penyelidikan dan penerbitan merupakan teras utama kecemerlangan sesebuah universiti. Untuk itu, UMS akan terus melipatgandakan usaha untuk mencapai misi ini. Kita perlu mewujudkan kumpulan penyelidik profesional yang mampu melakukan dan mengadakan hubungan kerjasama penyelidikan, bukan sahaja di peringkat nasional malah antarabangsa. Kita juga perlu menjadikan dan melabelkan universiti sebagai pusat rujukan ilmiah melalui penghasilan bahan-bahan penyelidikan dan penerbitan yang bermutu tinggi.

Untuk itu, sebagai universiti yang masih muda, adalah menjadi harapan kepada yang universiti yang telah lama ditubuhkan untuk membantu dan membimbing ke arah mencapai matlamat tersebut. Kita amat mengalu-alukan dan menghargai sebarang kerjasama, sokongan, bantuan, sama ada dalam bentuk idea, material dan kepakaran untuk mencapai hasrat tersebut. Segala kerjasama ini demi kepentingan dan pembangunan pendidikan negara. Oleh itu, saya pasti dengan adanya kerjasama ini akan dapat merealisasikan lagi misi berkenaan.

Kepentingan Pendidikan

Dewasa ini telah banyak diperkatakan mengenai kelemahan pencapaian akademik mahasiswa. Ada yang mengatakan ia disebabkan sifat pelajar kita sendiri, yang semakin lemah dan mempunyai mentaliti subsidi semata-mata. Tidak kurang juga yang memberikan pendapat bahawa struktur pengajaran dan pembelajaran, serta kurikulum universiti perlu dikaji dan dirombak semula.

Benar atau tidak, tugas dan perjuangan kita untuk menjadikan universiti sebagai pusat kecemerlangan pendidikan masyarakat perlulah difikirkan dan diutamakan. Oleh itu, beberapa perkara berikut perlu diberi perhatian untuk menjadikan pelajar kita mempunyai kekuatan ilmu, di samping memiliki ciri-ciri daya saing yang memenuhi mekanisme pasaran kerjaya semasa. Perkara tersebut :

- i. Meningkatkan kemudahan prasarana dan bekalan peralatan untuk pengajaran dan pembelajaran, dan menyedarkan para pelajar betapa mustahaknya mengoptimumkan sebaiknya segala kemudahan yang telah disediakan ini.
- ii. Menghasilkan dan mewujudkan lebih ramai pemimpin akademik dan tenaga pengajar berkualiti dan bertaraf dunia, yang mana golongan ini pula mampu berinteraksi dengan mudah dengan para pelajar, agar pelajar- pelajar berasa mereka sentiasa diberi perhatian dan bimbingan.
- iii. Mengkaji dan mengemaskini semula kurikulum dan kursus yang mampu menghasilkan graduan berdaya saing pada peringkat global dan menepati Falsafah Pendidikan Kebangsaan, iaitu dengan mewujudkan beberapa kursus keterampilan diri, kemahiran berkomunikasi, kemahiran membuat laporan tertentu dan lain-lain yang berorientasikan pendidikan liberal.
- iv. Menggunakan kaedah pengajaran dan pembelajaran lebih berkesan yang memberi penekanan kepada proses penjanaan dan pembinaan pengetahuan, seperti meningkatkan sistem pembelajaran dan pengajaran berkonsepkan *e-learning* dan *ICT* merentas kurikulum.

- v. Meningkatkan mobiliti dan pendedahan (*exposure*) kepada pelajar dan kakitangan akademik mahupun pentadbiran melalui peningkatan persefahaman dengan institusi nasional dan antara-bangsa, mahupun institusi swasta yang berdaya saing dalam negara. Ini bagi membentuk kemahiran yang pelbagai di kalangan pelajar dan kakitangan.

Justeru, saya yakin kerjasama yang akan dimeterai pada hari ini amat tepat pada waktunya untuk kita sama-sama mencapai aspirasi pembangunan pendidikan seperti mana yang saya katakan tadi.

Akhir kata, sekali lagi saya bagi pihak universiti mengucapkan terima kasih kepada pihak pengurusan UKM yang sentiasa sudi menghulurkan kerjasama dalam apa juga bidang demi kepentingan bersama.

Ucapan di Majlis MoA Universiti Kebangsaan Malaysia dengan Universiti Malaysia Sabah di Bilik Majlis UKM pada 6 Jun 2002.